

# Saluran gas di Teluk Siam melalui wilayah kita

MUM 1 0 MAY 2002

KERTIH 9 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, projek usahasama penyaluran gas di Teluk Siam wajar dilakukan melalui wilayah Malaysia jika penyalurannya melalui wilayah Thailand menghadapi masalah.

Perdana Menteri berkata, mungkin terdapat penyelesaian lain terhadap projek penyaluran gas berkenaan setelah ia gagal dilaksanakan mengikut perjanjian yang telah dimeterai antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, Malaysia dan Thailand mempunyai perjanjian usahasama bagi projek berkenaan dan jika Thailand mengubah pendirian mereka, ia akan menyebabkan beberapa klausa perjanjian terpaksa diubah.

Bagaimanapun, katanya, sehingga kini Kerajaan Thailand belum membat cadangan.

“Jika ia tidak boleh melalui wilayah Thailand maka ia perlu melalui wilayah Malaysia,” katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Kompleks Industri Petroleum Petronas (KIPP) di sini hari ini.

Projek penyaluran gas dari kawasan usahasama Malaysia-Thailand di Teluk Siam tergendala agak lama, antaranya disebabkan oleh bantahan beberapa organisasi bukan kerajaan (NGO) tertentu di Thailand yang mendakwa ia akan merosakkan alam sekitar.

## Kelulusan

Bagaimanapun, kedua-dua kerajaan telah mendapat kelulusan kajian alam sekitar (EIA).

Sementara itu, ketika mengulas kemungkinan Telekom Malaysia Bhd. (Telekom) akan membuat tawaran am (G.O.) kepada pemegang saham lain Technologies Resources Industries Bhd. (TRI), Dr. Mahathir berkata, tindakan itu bergantung kepada peratusan saham TRI yang dibeli oleh Telekom.

“Jika Telekom melepasi tahap pemilikan 33 peratus, mereka perlu membuat G.O.,” katanya sambil menambah beliau tidak tahu sama ada itulah rancangan Telekom.

Kerajaan adalah pemegang saham majoriti Telekom.

Mengulas langkah Tan Sri Tajudin Ramli muncul dengan cadangan yang akan membolehkannya mengekalkan penguasaan dalam Naluri Bhd., Perdana Menteri berkata, ia terpulang kepada Pengurusan Danaharta Nasional Bhd. (Danaharta) untuk memutuskan sama ada menerima atau tidak.